



## **KENYATAAN/SIARAN AKHBAR**

### **MAJLIS PERTUKARAN & PENYERAHAN DOKUMEN HAK MILIK LOT KEDUTAAN REPUBLIK YEMEN**

PUTRAJAYA - Kedutaan Republik Yemen adalah kedutaan terbaru yang akan mempunyai alamat di Putrajaya dengan pembelian sebuah lot kedutaan seluas 1.948 ekar di Lot C30 dan C34 di Presint 15.

Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Kedutaan Republik Yemen telah membuat pertukaran dokumen perjanjian jual beli sebagai tanda rasmi pembelian lot tersebut oleh Kedutaan Republik Yemen dalam suatu majlis ringkas di Kompleks PPj pagi tadi. Dokumen perjanjian jual beli antara kedua-dua pihak telah dimeterai pada bulan Mei 2009.

Lot kedutaan yang akan menempatkan kediaman rasmi Duta serta Chancery Kedutaan Republik Yemen yang baru di Malaysia turut melambangkan hubungan diplomatik yang erat di antara kedua-dua negara.

PPj diwakili oleh Presidennya, Tan Sri Samsudin Osman sementara Yemen diwakili oleh TYT Fadhel Abdul Karim Mohammed Al-Shaebi Timbalan Menteri Kewangan, TYT Mohamed Hussein Hatem Timbalan Menteri Luar Negeri dan TYT Abdulla Mohamed Ali Al-Montaser Duta Besar Republik Yemen.

Turut menghadiri majlis tersebut adalah TYT Duta Besar Algeria, Jordan dan Morocco serta wakil-wakil dari Kedutaan Kuwait, Lebanon, U.A.E.,

Ketua Setiausaha Dewan Perniagaan Melayu dan Ketua Pegawai Eksekutif Perniagaan Antarabangsa OIC.

Sehingga kini, sebanyak 49 lot dari jumlah keseluruhan 61 lot-lot kedutaan di Presint Diplomatik Putrajaya, Presint 15 telah dibeli. PPj akan meneruskan usaha untuk memasarkan dan menjual semua lot-lot kedutaan yang masih terdapat di Kawasan Diplomatik Putrajaya iaitu 12 lot di Presint 15 dan 4 lot di Presint 4.

Pembinaan kediaman rasmi Duta dan pejabat Kedutaan Iraq yang mendahului kedutaan lain, dijangka akan siap pada suku pertama tahun ini.



**ZAHARAH SALAMAT**  
**Timbalan Pengarah Perhubungan Awam**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 20 Januari 2010

---

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA  
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013